

30 AUG 2003

Mahathir-Putrajaya

DR MAHATHIR MAHU RAKYAT PELIHARA PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 30 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat Malaysia menghargai, menyayangi dan menjaga Putrajaya supaya ia kekal sebagai ibu kota pentadbiran yang boleh dibanggakan.

Perdana Menteri berkata walaupun tempoh membangunkan Putrajaya tidak sampai satu dekad sejak 1996, ia kini menjadi suatu kenyataan, indah tersergam sebagai pusat pentadbiran negara.

"Kita lihat di negara-negara lain bagaimana ibu kota mereka, begitu indah sekali. Kita tak dapatlah nak buat ibu kota kita seperti London atau Paris, hanya kita boleh bangga dengan Putrajaya," katanya semasa melancarkan Cruise Tasik Putrajaya dan Monumen Alaf Baru Kebangsaan di sini hari ini.

"Saya fikir kita tidak akan berasa malu apabila menghebahkan Putrajaya kepada pelawat asing. Bukanlah kita hendak menunjuk-nunjuk, tetapi sedikit banyak kita sudah mencapai kemajuan," katanya.

Dr Mahathir berkata pelbagai jenis pembangunan di sini merupakan yang pertama di Malaysia dan banyak bangunan yang didirikan berbentuk baru.

"Ia juga didirikan dalam jangkamasa yang begitu pendek, umpamanya monumen ini yang kerjanya bermula sembilan bulan dahulu, sekarang sudah siap sedia dengan taman di sekelilingnya," katanya.

Sambil menganggap ia merupakan satu rekod pencapaian, Dr Mahathir berkata ini menunjukkan betapa rakyat Malaysia bukan sahaja boleh melukis dan mereka bentuk dengan cantik, malah melaksanakannya dengan begitu cepat.

"Putrajaya ini adalah milik rakyat Malaysia. Mereka harus pegang Putrajaya ini sebagai milik mereka," katanya.

Beliau berkata taman-taman yang dibina lebih 13 kesemuanya di sini, begitu indah dan akan kekal menjadi kawasan hijau bagi Putrajaya dan juga Kuala Lumpur.

Penduduk di Kuala Lumpur yang sentiasa merasa tertekan dengan kesibukan boleh datang ke Putrajaya untuk berehat, kata Perdana Menteri.

Mengenai perkhidmatan Cruise Tasik Putrajaya dan pembinaan Monumen Alaf Baru Kebangsaan, Dr Mahathir berkata ia merupakan dua lagi langkah ke hadapan yang dicapai dalam proses pembangunan Putrajaya.

Beliau berkata Monumen Alaf Baru Kebangsaan yang berbentuk bunga kebangsaan Bunga Raya itu mempunyai tiang masa setinggi 68 meter, memaparkan pelbagai peristiwa yang berlaku di Malaysia sejak 1957 dan akan diteruskan sehingga 2020.

"Saya mahu mengucapkan terima kasih kepada semua orang kerana memberi pujian kepada saya terhadap semua ini...tetapi sebenarnya bukan saya (seorang)" katanya.

Beliau bernasib baik, katanya, bahawa pegawai-pegawai pelaksana menterjemahkan arahan kerajaan dengan cara yang begitu baik sekali sehinggakan semua yang dilakukan itu adalah menarik dan boleh dibanggakan.

Perdana Menteri berkata walaupun kerajaan mempunyai cadangan untuk melakukan sesuatu secara kecilan sahaja, tetapi apabila diterjemahkan oleh pegawai, sesuatu itu yang dilaksanakan menjadi lebih besar, menarik, dan boleh dibanggakan.

"Sebagai contoh, apabila kita (kerajaan) mencadangkan diadakan Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA), kita sebenarnya hendak pamer jet-jet kecil, jet peribadi dan jet pelatih sahaja, tetapi para pegawai telah membesarkan pameran ini sehingga ia menjadi satu pameran maritim dan udara di peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau turut memuji Perbadanan Putrajaya yang diketuai pengerusinya Tan Sri Azizan Zainul Abidin kerana berjaya membangunkan bandar itu dengan baik.

Azizan telah berjaya menterjemahkan segala arahan kerajaan dengan baik, katanya.

-- BERNAMA

RIZ RON